

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [ DAMANSARA ]**

**TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

Tuan Gobind Singh Deo [ Damansara ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah pengangkutan awam di kawasan-kawasan luar bandar dalam jangka masa 5 tahun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah mewujudkan skim Dana Bantuan Sementara Bas Berhenti-henti (ISBSF) bermula pada tahun 2012 dengan objektif asasnya adalah untuk memastikan perkhidmatan bas berhenti-henti terutama di laluan-laluan yang tidak menguntungkan di luar bandar dapat terus beroperasi. Program ISBSF diwujudkan bagi menangani kerugian di dalam operasi harian pengendali bas berhenti-henti bagi memastikan kesinambungan terhadap perkhidmatan berkenaan. Ia juga bertujuan bagi menggalakkan pengendali bas berhenti-henti memulihkan laluan yang telah ditamatkan perkhidmatan akibat kerugian yang dialami dan mendorong pengendali dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dengan menambah kekerapan perjalanan dan membaiki keadaan bas sekaligus meningkatkan aksesibiliti rakyat.
2. Penambahbaikan sistem bas berhenti-henti terutamanya perkhidmatan bas pengantara untuk menghubung ke mod pengangkutan awam yang lain yang lebih efektif dan cekap dapat secara tidak langsung mengubah persepsi dan memberi pilihan kepada rakyat untuk menggunakan pengangkutan awam. Kerajaan melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) akan mengembangkan dan memperkenalkan skim perkhidmatan myBAS 2.0 di seluruh negara bagi menggantikan dana sokongan *Interim Stage Bus Support Fund* (ISBSF) yang bersifat sementara secara berperingkat.
3. Bagi zon liputan yang lebih kecil atau mempunyai kekangan akses untuk bas bersaiz besar, Kerajaan juga telah memperkenalkan perkhidmatan *Bus On Demand* (BOD) yang dilaksanakan secara *Proof of Concept* (POC) bermula 1 September 2022 hingga 31 Ogos 2024. Buat masa ini, 2 pengendali telah diberi kelulusan untuk menjalankan perkhidmatan BOD di bawah POC ini.
4. Dalam usaha Kerajaan untuk memudahcara ekonomi gig dan membantu para pemandu teksi *e-hailing*, Kementerian telah melancarkan dasar pembaharuan iaitu menaikkan had usia maksima penggunaan

**NO. SOALAN: 49**

kenderaan dalam kelas *e-hailing* dan teksi daripada 10 tahun kepada 15 tahun berkuatkuasa dari 1 Januari 2023. Selaras dengan pembaharuan ini, had usia melesen juga telah dikemaskini kepada 14 tahun. Ini bermaksud mana-mana kenderaan yang hendak dilesenkan bagi tujuan *e-hailing* dan teksi mesti berbuat demikian sekurang-kurangnya setahun sebelum had usia 15 tahun.

Sekian, terima kasih.